

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	8/1/2020	MUKA SURAT : 26
JABATAN	:	UMUM	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Semai amalan pemuliharaan air

CCM merealisasikan program menerusi Rakan Saintis Sungai

Oleh SITI FARAH ELIANI SOLLEH

U SAHA memberikan inspirasi dan memperkasakan golongan muda tentang kepentingan memulihara alam sekitar dan sumber asli amatlah penting.

Menyedari mengenainya, Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) pada tahun ini meneruskan komitmen mereka menerusi program Rakan Saintis Sungai (RSS).

Tujuannya adalah untuk mendidik pelajar sekolah di seluruh Malaysia tentang isu alam sekitar yang dihadapi dunia pada hari ini dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menanganinya, terutamanya berkaitan pemuliharaan air.


Pengarah Urusan Kumpulan CCM, Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin menyifatkan, Malaysia bertuah dianugerahkan dengan kepelbagaian biologi dan kekayaan sumber asli.

"Justeru, amat penting untuk melindungi alam sekitar kita dan memastikan sumber air tulen dan bersih. Ini kerana air penting untuk memenuhi keperluan hidup dan menyokong mata pencarian seperti menghasilkan tanaman segar dalam bidang pertanian dan juga untuk haiwan ternakan.



PESERTA digalakkan untuk mengalami proses pemuliharaan air sebenar selepas demonstrasi oleh para profesional.

"Kami yakin bahawa program RSS ini boleh memainkan peranan supaya mereka faham tentang isu kekurangan air, melindungi sumber air dan membudayakan amalan pintar untuk memulihara air sepanjang hayat," katanya



CABARAN Lego yang memerlukan pelajar memetakan proses rawatan air menggunakan penanda dan blok lego.

dalam kenyataan media sempena penganjuran program RSS baru-baru ini. Menerusi program dianjurkan, pelajar dan guru-guru dilibatkan dengan eksperimen luar dan aktiviti permainan serta pembelajaran yang menyeronokkan

tentang pemuliharaan air. Sejak dimulakan pada 2010, RSS CCM telah menarik penglibatan lebih 2,000 pelajar dari sekolah di Perlis, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Sarawak.